

Kepercayaan Animisme Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia

AHMAD REDZUWAN MOHD YUNUS
ABDUL GHAFAR HJ. DON

ABSTRAK

Di Semenanjung Malaysia, terdapat tiga kaum terbesar dalam masyarakat Orang Asli iaitu kaum Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Mereka mempunyai kepercayaan sejak turun temurun yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Kepercayaan tersebut dikenali sebagai animisme. Apa yang menarik, dari satu kepercayaan yang sama, pemahaman mereka tentang animisme adalah berbeza antara satu kaum dengan kaum yang lain. Penulisan ini bertujuan untuk mengenengahkan tentang pemahaman animisme antara kaum tersebut.

Definisi Kepercayaan Animisme

Dalam *Kamus Dewan* (2005:1181), kepercayaan bermaksud keyakinan atau akuan akan benarnya (adanya, berlakunya dan lain-lain) sesuatu, iman dan iktikad.

Dalam bahasa Inggeris, kepercayaan diterjemahkan dari perkataan *belief*. Menurut *Kamus Dwibahasa* (1999:107), *belief* bermaksud keyakinan atau kepercayaan terhadap ajaran agama atau iktikad.

Dalam bahasa Arab, kepercayaan diterjemahkan dari perkataan *al-mu'taqidāt*. Menurut *al-Mu'jam al-Wasīf* (1989:614), *al-mu'taqidāt* ialah suatu bentuk pegangan yang tidak ada keraguan dalam kepercayaannya.

Berdasarkan huraian di atas, didapati bahawa semua pengertian kepercayaan yang dijelaskan di atas, sama ada oleh *Kamus Dewan*, *Kamus Dwibahasa* dan *al-Mu'jam al-Wasīf* boleh diterima sebagai suatu pendefinisian tentang kepercayaan kerana

semuanya menjurus kepada maksud yang sama iaitu keyakinan atau membenarkan sesuatu yang berkaitan dengan agama.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kepercayaan ialah keyakinan terhadap sesuatu yang ada kaitan dengan sesuatu ajaran.

Dalam masyarakat Orang Asli, kepercayaan asas mereka adalah berdasarkan kepada animisme. *The New Encyclopedia Britannica* (1994:421) menjelaskan, animisme ialah anggapan tentang wujudnya roh atau semangat pada semua benda sama ada bernyawa atau tidak. Dengan kata lain, benda-benda bergerak atau tidak bergerak semuanya hidup dengan roh atau semangat.

Manakala *Kamus Dwibahasa* (1999:48) pula menerangkan, animisme ialah kepercayaan bahawa segala benda (pokok, batu, angin dan lain-lain) mempunyai semangat (roh)¹. Roh atau semangat ini dikenali sebagai kuasa *supernatural*².

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa animisme merupakan suatu kepercayaan tentang wujudnya roh atau semangat. Roh atau semangat itu terdapat pada sesuatu benda sebagaimana dijelaskan dalam *The New Encyclopedia Britannica*, *Kamus Dwibahasa* dan *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Benda tersebut sama ada bernyawa atau tidak sebagaimana dijelaskan dalam *The New Encyclopedia Britannica*.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa animisme ialah merupakan suatu kepercayaan tentang wujudnya roh atau semangat pada sesuatu benda (bernyawa atau tidak).

Kepercayaan Animisme Dalam Masyarakat Orang Asli

Kepercayaan ini telah diwarisi secara turun temurun dalam masyarakat Orang Asli daripada nenek moyang mereka dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Dalam kaum Negrito, khususnya bangsa Bateq, mereka percaya wujudnya makhluk-makhluk seperti tohan dan naga.

¹ Takrif yang sama juga dinyatakan dalam Hornby (1989), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, e.ke-4. Oxford: Oxford University Press, h. 39.

² *Supernatural* ialah suatu kuasa yang di luar kemampuan dan kekuasaan manusia; sakti dan ghaib. Lihat *Kamus Dwibahasa* (1999), h. 1260.

Tohan dikenali sebagai Hala' Asal. Manakala naga dikenali sebagai Ya' dalam kalangan Bateq Nong dan Lawac oleh Bateq De'. Di samping itu, mereka juga percaya kepada Gobar yang mengawal cuaca dalam kehidupan manusia (Kirk Micheal Endicott 1979:169-171).

Dalam kaum Senoi, khususnya bangsa Semai, mereka percaya kepada kewujudan makhluk *supernatural* yang dikenali sebagai tuhan, malaikat, penunggu, hantu dan Tak Engku. Tuhan dipercayai mempunyai kuasa tertinggi dan dikenali juga dengan panggilan 'uyaang atau muyang'. Ia menguasai seluruh lapisan alam, memberikan nyawa kepada manusia serta menentukan nasib, rezeki, ajal atau maut mereka. Tuhan hanya dianggap sebagai lambang kuasa sahaja. Bangsa Semai tidak melakukan apa-apa upacara penyembahan terhadap tuhan ini. Manakala malaikat pula melakukan pelaksanaan kuasa tuhan terhadap manusia. Malaikat bersifat seperti manusia, ada lelaki dan perempuan. Antara malaikat itu ada yang bernama malaikat maut. Tugasnya mencabut nyawa manusia yang telah sampai ajalnya (Juli Edo 1993:84-85).

Selain malaikat, kaum Semai juga percaya kepada penunggu. Terdapat empat penunggu utama yang menguasai empat penjuru alam iaitu Muyang Ulu Temuan, Nenek Urang Penyunkur, Lintang Pular dan Lintang Menuak. Di samping itu, penunggu juga terdapat pada tempat-tempat khusus seperti gunung, bukit, paya, lubang dan seumpamanya (Achom Luji 1994:11-18).

Seterusnya mereka juga percaya kepada hantu-hantu yang berada di sekeliling mereka. Hantu-hantu ini dipanggil Daneh dan Kermoj. Daneh dipercayai berasal daripada bayang makhluk-makhluk yang ada di dunia ini. Oleh itu, ia boleh bersifat seperti binatang, angin dan sebagainya. Manakala Kermoj merupakan hantu manusia, iaitu hantu orang Melayu yang pernah memburu mereka pada suatu masa dahulu (Juli Edo 1993:85-86).

Selain daripada itu, bangsa Semai juga mempercayai dengan kewujudan Tak Engku. Engku dianggap banyak menguasai kehidupan manusia. Kejadian perubahan alam seperti ribut petir dan sebagainya disebabkan peranan yang dimainkan oleh Engku (Juli Edo 1990:43). Adalah dipercayai bahawa melanggar pantang larang tertentu seperti mengacau binatang akan

menyebabkan Engku atau Ngkuu menjadi marah dan akibatnya hujan ribut akan berlaku (Alberto Gomes 1993:95).

Manakala bagi bangsa Semoq Beri, mereka mempercayai kehidupan dan perjalanan alam keseluruhannya dikuasai oleh kuasa yang bersifat luar biasa yang terdiri daripada tohan, Nabi Adam, Karei dan Hawa. Tohan merupakan kuasa tertinggi yang berkuasa menjadikan alam serta unsur-unsur yang terkandung di dalamnya. Ia juga mengatur peredaran alam dan merupakan kuasa yang menentukan peraturan-peraturan hidup bagi manusia. Manakala Nabi Adam dan Karei berfungsi sebagai pembantu kepada tohan tetapi Karei tinggal di dalam syurga. Sementara Hawa dipercayai isteri kepada Adam (Ramle Abdullah 1993:151-154).

Sementara bagi bangsa Che Wong, mereka percaya dengan kewujudan Karei yang berperanan mendatangkan ribut, petir dan kilat. Di samping itu, mereka juga percaya kepada kuasa semangat yang bertanggungjawab ke atas hasil pengeluaran pertanian mereka seperti semangat padi. Oleh itu tok pawang memainkan peranan yang penting untuk memuja semangat tersebut sama ada sesuatu pertanian untuk boleh dilakukan atau sebaliknya (JHEOA 2002:140 & 148).

Sementara itu bagi bangsa Jahut, mereka percaya kepada kuasa ghaib, hantu dan syaitan. Oleh itu, adat istiadat dan amalan hidup mereka adalah berlandaskan kepada kepercayaan tersebut. Mereka percaya bahawa setiap benda mempunyai semangat atau penunggu. Sebagai contoh, mereka percaya padi mempunyai semangat. Oleh itu, mereka sangat menjaga adab-adab ketika menuai padi supaya semangat padi tidak tersinggung. Antara perbuatan yang boleh menyinggung semangat padi ialah bersiul dan memakan nasi di sisi padi (JHEOA 2002:88).

Dalam kepercayaan animisme kaum Melayu Asli pula, misalnya bangsa Temuan, mereka percaya kepada Tuhan Atas dan Tuhan Bawah iaitu Tuhan Langit dan Tuhan Bumi. Tuhan Langit bertanggungjawab mencipta dunia dan Tuhan Bumi bertanggungjawab terhadap kehidupan di dunia. Di samping itu bangsa ini amat percaya kepada bomoh. Bomoh memainkan peranan yang penting kepada mereka kerana ia mempunyai beberapa keistimewaan yang tertentu. Adakalanya bomoh

bertugas sebagai pengawal kampung dari diganggu oleh makhluk halus serta memastikan sesuatu upacara yang diadakan tidak diganggu oleh syaitan. Ia juga merupakan seorang pakar dalam soal menyembuhkan penyakit secara tradisional dan menggunakan akar-akar kayu (Iskandar Carey 1976:248).

Manakala bagi bangsa Semelai pula, mereka percaya adanya tuhan yang mencipta sekalian alam. Mereka juga percaya adanya hari Akhirat, Kiamat, Syurga dan Neraka serta Mungkar dan Nangkir. Mereka juga percaya akan berdosa jika melakukan perkara yang tidak baik dan dilarang. Di samping itu, mereka juga percaya kepada penunggu seperti penunggu pokok, gunung dan batu serta makhluk halus (Pusat Perkembangan Kurikulum KPM 1998:106).

Sementara itu, bagi bangsa Jakun atau Orang Ulu, mereka percaya kepada kewujudan tuhan. Tuhan bagi mereka ada dua sebagaimana juga dipercayai oleh bangsa Temuan iaitu Tuhan Atas atau tuhan bagi dunia atas dan Tuhan Bawah atau tuhan bagi dunia bawah. Tuhan Atas adalah isteri Tuhan Bawah. Fungsinya ialah menjaga dunia dan penghuninya yang tinggal di bahagian atas. Selain itu, ia mewujudkan penghidupan bagi manusia dan semua makhluk di dunia ini, menurunkan hujan dan memimpin manusia supaya bersikap pemurah dan jujur. Manakala Tuhan Bawah adalah suaminya. Tugasnya adalah menjaga semua makhluk di dunia ini, memerhatikan pantang larang yang dilanggar oleh manusia dan memberikan hukuman yang setimpal (Amran Kasimin 1991:27-29).

Di samping itu, bangsa Jakun atau Orang Ulu juga percaya kepada semangat dan kuasa yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera yang dikatakan boleh berhubung dengan kuasa ghaib seperti pawang dan poyang. Mereka adalah ahli-ahli agama yang boleh berhubung dengan kuasa ghaib dan merupakan ahli perubatan (Amran Kasimin 1991:27).

Berdasarkan huraian di atas, didapati bahawa dalam kepercayaan animisme masyarakat Orang Asli, mereka percaya dengan kewujudan dan kekuasaan tohan atau tuhan seperti yang terdapat dalam bangsa Bateq, Semai, Semoq Beri, Temuan, Semelai dan Jakun. Di samping itu, mereka juga percaya terdapatnya kuasa-kuasa yang lain yang berperanan sebagai

pembantu kepada tohan atau tuhan seperti naga dan Gobar bagi bangsa Bateq, malaikat dan Tak Engku dalam bangsa Semai dan Nabi Adam, Karcé dan Hawa dalam bangsa Semoq Beri. Sementara itu, terdapat juga bangsa yang percaya kepada penunggu dan hantu seperti yang terdapat dalam bangsa Semai, Semelai dan Jahut. Tidak kurang penting juga mereka amat percaya kepada bomoh dan poyang sepertimana yang terdapat dalam masyarakat Che Wong, Temuan dan bangsa Jakun.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kepercayaan animisme masyarakat Orang Asli, adalah berlainan antara satu kaum dengan kaum yang lain mengikut pemahaman masing-masing. Kepercayaan ini diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi dalam komuniti ini. Sehingga hari ini, kepercayaan ini paling ramai dianuti dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

RUJUKAN

- Amran Kasimin. 1991. *Religion and Social Change Among The Indigeneous People of The Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achom Luji. 1994. Kebudayaan Orang Asli dan Kebudayaan Kebangsaan. Kertas Kerja Simposium Pembangunan dan Masa Depan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia 26 November.
- Alberto Gomes *et al.* 1993. Masyarakat Semai di Perak: Satu Tinjauan Etnografi. Dlm. Hood Salleh *et al.* (ed), *Mereka Yang Terpinggir: Masyarakat Terasing di Indonesia dan Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Carey, Iskandar. 1976. *Orang Asli the Oboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hornby, A.S. 1989. *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, ed. 4. Oxford: Oxford University Press.

- Juli Edo. 1993. Kepercayaan dan Pantang Larang di kalangan Orang Semai. Dlm. Mohamed Salleh Lamry *et al.* *Masyarakat dan Perubahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo. 1990. Tradisi Lisan Masyarakat Semai. *Monograf 16*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2002. *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Kirk Micheal Endicott. 1979. *Batek Negrito Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Kamus Dewan*. 2005. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa*. 1999. Ed. ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muṣṭafā, Ibrāhīm; al-Ziāt, Aḥmad Ḥasan; ‘Abdul Qāder, Ḥamid & al-Najār, Muḥammad ‘Alī. 1989. *Mu‘jam al-Wasīf*. Istanbul: Muassasah Saqāfah lil Taklif wa Ṭaba‘ah wa Nasyr wa Tawzi‘.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1998. *Budaya, Pantang Larangan dan Amalan Kesihatan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramle Abdullah. 1993. *Semaq Beri Komuniti Orang Asli di Terengganu*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- The New Encyclopedia Britannica. 1994. *The New Encyclopedia Britannica* e. 15, v. 1. Chicago: Norton P.B.